

Headline	UiTM Comeback juara Liga Paintball Taha@U Zon Utara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	36	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	255 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,040
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,120



## UiTM Comeback juara Liga Paintball Taha@U Zon Utara

**BUKIT MERTAJAM 5 Sept.** – Pasukan UiTM Comeback berjaya menewaskan kekecewaan pada pertandingan akhir Kejohanan Liga Paintball Taha@U Zon Utara tahun lalu apabila muncul juara untuk edisi kali ini.

Pasukan yang mewakili Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah itu berjaya menewaskan pasukan UiTM Unluckies pada perlawanan akhir yang berlangsung di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKBN) di sini, semalam.

Kejuaraan hanya ditentukan pada saingan satu lawan satu selepas kedua-dua pasukan terikat mata sama selepas tiga pusingan pada perlawanan akhir.

Menurut ketua pasukan UiTM Comeback, Nornadirah Mohamad Shah, 21, pada tahun lalu mereka hanya muncul naib juara di peringkat zon dan tempat ke-10 pada saingan *Grand Finale*.

“Kami amat bersyukur mampu muncul juara tahun ini dan berharap akan melakukan yang terbaik untuk saingan peringkat akhir yang akan berlangsung November ini.

“Selepas ini kami akan mula berlatih bersama-sama lima lagi pasukan dari UiTM Kedah yang turut layak ke peringkat akhir nanti,” katanya yang turut aktif menyertai pertandingan *paintball* di peringkat kebangsaan.

Sebagai juara, UiTM Comeback membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, medal, sijil dan piala manakala UiTM Unluckies membawa pulang wang tunai RM800 berserta medal dan sijil.

Sebanyak 50 pasukan dari negeri ini, Kedah dan Perlis menyertai kejohanan itu untuk zon Utara selepas kejohanan edisi ketiga itu diadakan di zon Tengah pada 30 Julai dan zon Timur pada 20 Ogos lalu.

Sebanyak 10 pasukan yang menduduki tangga teratas di per-

ingkat zon akan bersaing di *Grand Finale* yang disertai ahli Kelab Taha@U berusia 18 tahun ke atas.

Perasmian kejohanan itu disempurnakan oleh Pengarah Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) Perlis, Amat Kassim Pait dan hadiah kepada pemenang disampaikan Timbalan Pengarah Tabung Haji negeri, Mohamad Said Ismail.

Sementara itu, Amat Kassim dalam ucapannya memuji peringkat kejohanan tersebut kerana menggalakkan penglibatan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) dalam aktiviti sukan yang berfaedah serta mempromosikan gaya hidup sihat.

“Kejohanan ini juga mampu menjadi pentas para pelajar ini menampilkan aksi mereka seterusnya membawa mereka ke peringkat lebih tinggi dalam sukan *paintball*.

“Kita berharap lebih ramai pasukan akan menyertai kejohanan ini pada masa akan datang dan mendapat sambutan daripada lebih banyak IPT,” ujarnya.



**MOHAMAD SAID ISMAIL** (kanan) menyampaikan hadiah kepada pasukan UiTM Comeback yang menjuarai Kejohanan Liga Paintball Taha@U 2016 Zon Utara di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, kelmarin. – UTUSAN/SAZALI CHE DIN